



SIARAN MEDIA

MODUL PENDAYAUPAYAAN KEHARMONIAN MERENTAS AGAMA DAN BUDAYA

PUTRAJAYA, 9 April – Dalam usaha berterusan memperkukuh pemahaman antara agama di negara ini, Kerajaan MADANI menegaskan komitmen yang teguh untuk **memastikan keharmonian masyarakat terus terpelihara dan diperkasakan.**

Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian agama, kaum dan etnik merupakan satu aset terbesar negara. Kepelbagaian ini bukan sekadar realiti sosial, malah merupakan aset terbesar negara yang menjadi asas kepada kekuatan dan kestabilan nasional.

Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bakal memperkenalkan **Modul Pendayaupayaan Keharmonian Merentas Agama dan Budaya** sebagai inisiatif berterusan dalam memperkasa penerapan nilai insaniah, adab serta budi pekerti dalam kalangan masyarakat.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara menyatakan bahawa modul ini dibangunkan secara komprehensif sebagai **rujukan utama kepada pegawai agensi kerajaan, di samping turut boleh dimanfaatkan oleh sektor swasta serta masyarakat umum.** Ia dirangka dengan pendekatan yang lebih dinamik dan berimpak tinggi melalui penggunaan kaedah komunikasi yang inklusif serta sensitif budaya. Selain itu, modul ini turut **menekankan elemen latihan praktikal berasaskan situasi sebenar dalam komuniti** bagi memastikan kefahaman yang lebih mendalam serta aplikasi yang berkesan di lapangan.

Justeru, prinsip **Faham, Hormat, Terima dan Meraikan** perlu dijadikan panduan dalam kehidupan seharian rakyat sebagai teras kepada pembinaan integrasi nasional yang utuh. Setiap individu memainkan peranan penting sebagai agen perpaduan dalam membina masyarakat yang saling memahami, menghormati dan mempercayai antara satu sama lain.

Kementerian Perpaduan Negara

8 April 2026

KPN.100-9/1/16 (28)

